

KEMURUNGAN DI KALANGAN PELAJAR-PELAJAR
TINGKATAN EMPAT

OSMAN BIN NOOR



109174

109174

ITI UTARA MALAYSIA
1998

ABSTRAK

Tujuan kajian ini ialah untuk melihat darjah kemurungan di kalangan pelajar-pelajar tingkatan empat di sekolah-sekolah menengah dalam bandar. Kajian ini mempunyai tiga objektif utama. Pertama, mengkaji hubungan kemurungan dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar-pelajar tingkatan empat. Kedua, mengkaji hubungan kemurungan dengan penghargaan sendiri di kalangan pelajar-pelajar tingkatan empat. Ketiga, mengkaji perbezaan darjah kemurungan di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan tingkatan empat. Kajian ini melibatkan 248 orang pelajar tingkatan empat di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Sungai Petani, Sungai Petani, Kedah Darul Aman. Alat ujian *Children Depression Inventory (CDI)* digunakan untuk mengukur darjah kemurungan pelajar. Manakala alat ujian *Self-Esteem Inventory (SEI)* digunakan untuk mengukur tahap penghargaan sendiri pelajar. Analisis dilakukan dengan menggunakan Korelasi Pearson dan Ujian t. Hasil kajian menunjukkan pelajar-pelajar tingkatan empat di Sekolah Menengah Bandar Sungai Petani secara keseluruhannya tidak mengalami darjah kemurungan yang serius. Kajian ini juga mendapati wujudnya hubungan yang signifikan di antara kemurungan dengan pencapaian akademik dan penghargaan sendiri. Sementara itu terdapat perbezaan yang signifikan dalam darjah kemurungan mengikut faktor jantina.